



18 Oktober 2011  
18 Oktober 2011  
P.U. (A) 352

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PERBADANAN PERLADANGAN FELDA CHUPING (PENGGULUNGAN DAN PEMBUBARAN) 2011

*FELDA CHUPING ESTATE DEVELOPMENT CORPORATION  
(WINDING UP AND DISSOLUTION) ORDER 2011*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PEMBANGUNAN TANAH 1956

PERINTAH PERBADANAN PERLADANGAN FELDA CHUPING  
(PENGGULUNGAN DAN PEMBUBARAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 43(4) Akta Pembangunan Tanah 1956 [Akta 474], Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, dengan kelulusan Menteri, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perbadanan Perladangan FELDA Chuping (Penggulungan dan Pembubaran) 2011.**  
  
(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 Mac 2011.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—  
  
“Lembaga” ertinya Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan; dan  
  
“Perbadanan” ertinya Perbadanan Perladangan FELDA Chuping.

**Penggulungan dan pembubaran Perbadanan**

3. Perbadanan yang ditubuhkan di bawah Perintah Perbadanan Perladangan FELDA Chuping 1985 [P.U. (A) 273/1985] adalah digulung dan dibubarkan.

**Pemindahan kuasa, hak, dsb.**

4. Kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini ada pada Perbadanan hendaklah dipindahkan kepada Lembaga mulai tarikh itu.

**Pemindahan hak milik harta**

5. (1) Mana-mana tanah dan kepentingan mengenai tanah yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini, terletak hak pada atau dimiliki secara benefisial oleh

Perbadanan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya, hendaklah, pada tarikh itu terletak hak pada Lembaga.

(2) Mana-mana harta alih dan harta tak alih, selain tanah, yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini, terletak hak pada Perbadanan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya, hendaklah, pada tarikh itu terletak hak pada Lembaga.

### **Pemindahan wang**

6. Semua wang yang ada di dalam atau yang kena dibayar kepada dana Perbadanan hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Perintah ini, dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga.

### **Kontrak sedia ada**

7. Semua surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang wujud sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini dan menyentuh mana-mana harta yang dipindahmiliki di bawah perintah 5 hendaklah tidak terjejas oleh Perintah ini dan hendaklah diteruskan seolah-olah Lembaga telah dinamakan dalamnya atau menjadi pihak kepadanya.

### **Penerusan prosiding sivil**

8. (1) Apa-apa prosiding sivil, atau apa-apa kausa tindakan yang belum selesai atau wujud sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini, oleh atau terhadap Perbadanan, boleh, pada atau selepas permulaan kuat kuasa Perintah ini, diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Lembaga sebagaimana yang ia mungkin telah diambil oleh atau terhadap Perbadanan jika Perintah ini tidak dibuat.

(2) Apa-apa rayuan yang dibawa atau apa-apa kebenaran untuk merayu yang dipohon pada atau selepas permulaan kuat kuasa Perintah ini terhadap sesuatu keputusan yang diberikan sebaik sebelum tarikh itu dalam mana-mana prosiding undang-undang yang Perbadanan menjadi suatu pihak kepadanya boleh dibawa oleh atau terhadap Lembaga.